



# MENGGUNAKAN PLATFORM ALI BABA SEBAGAI PLATFORM PENYUMBERAN

*Mohammad Noorizuddin bin Nooh*

---

## A. PENGENALAN

Sumber mendapatkan bahan perniagaan adalah amat penting dalam sesuatu perniagaan. Dalam perniagaan, penumbuhan bahan boleh dilakukan secara fizikan dan secara maya. Bahan perniagaan boleh didapati melalui pembelian daripada pusat borong, pemborong, orang tengah, pengilang, katalog, persatuan pembekal dan juga secara maya melalui portal-portal borong dan Alibaba merupakan salah satu daripada portal penyumberan maya yang ada.

## B. OBJEKTIF

Alibaba Group ditubuhkan pada tahun 1999 dan diketuai oleh Jack Ma, Sejak awal, pengasas syarikat berkongsi kepercayaan bahawa Internet akan menyamaratakan persaingan dengan membolehkan perusahaan kecil memanfaatkan inovasi dan teknologi untuk berkembang dan bersaing dengan lebih berkesan dalam ekonomi domestik dan global. Sejak melancarkan laman web pertamanya yang membantu pengeksport, pengilang dan pengusaha kecil China untuk menjual di peringkat antarabangsa, Alibaba Group telah berkembang menjadi peneraju global dalam perdagangan dalam talian dan mudah alih. Hari ini Alibaba dan syarikat-syarikat yang berkaitan mengendalikan pasaran dalam talian borong dan runcit serta perniagaan dalam pengkomputeran awan, media digital dan hiburan, inisiatif inovasi dan lain-lain.

Adalah diharapkan agar pada akhir modul ini, peserta akan:

1. Mula menggunakan Alibaba untuk mula menyumber produk dan perkhidmatan
2. Mempunyai asas bagaimana untuk membuat pesanan di Alibaba
3. Memberi kefahaman mengenai cara untuk mengurus pesanan
4. Memberi kefahaman mengenai ciri-ciri keselamatan asas sebelum membuat pesanan di Alibaba

## C. HASIL PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Peserta dapat :

- i. Mengetahui alternatif penyumberan selain dari penyumberan fizikal
- ii. Memperbanyakkan pilihan penyumberan
- iii. Memperbanyakkan pilihan produk

## D. KATA KUNCI

- Alibaba
- Penyumberan maya

## E. SASARAN PESERTA

- Terbuka kepada peserta yang berminat menceburkan diri dalam perniagaan
- Minimum 30 orang

## F. TEMPOH MASA PERLAKSANAAN

Jumlah masa yang diperuntukkan adalah 2 jam ( 120 minit).

## G. BAHAN-BAHAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

- Komputer riba / Telefon pintar
- Nota rujukan

## H. KAEDAH PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

No.	Aktiviti	Kaedah pelaksanaan aktiviti	Masa
1.	Syarah	Ceramah	30 minit
2.	Perbincangan dalam kumpulan	5 org dlm 1 kumpulan	60 minit
3.	Sumbang saran dan soal jawab	Pembentangan daripada peserta dan soal jawab dengan penceramah dan kumpulan peserta yang lain.	30 minit
4.	Rumusan	Ulasan daripada hasil pembelajaran dan objektif kursus	5 minit

## I. PERLAKSANAAN AKTIVITI

### HURAIAN PERLAKSANAAN AKTIVITI

Aktiviti 1	<ol style="list-style-type: none"><li>Syarah mengenai cara-cara memulakan penyumberan maya di Alibaba daripada penceramah yang pakar dalam bidang tersebut.</li><li>Soal jawab mengenai modul yang terkandung dalam Alibaba</li><li>Bahan syarahan akan dibekalkan kepada peserta</li></ol>
Aktiviti 2	<ol style="list-style-type: none"><li>Peserta diminta untuk berbincang secara sumbang saran dalam kumpulan.</li><li>Bahan aktiviti akan dibekalkan kepada peserta</li></ol>
Aktiviti 3	<ol style="list-style-type: none"><li>Wakil setiap kumpulan dikehendaki membentangkan dapatan mereka berkenaan contoh yang telah diberikan di dalam Nota rujukan</li><li>Wakil kumpulan diminta untuk memberi maklum balas mengenai pembentangan daripada kumpulan pembentang.</li></ol>

## J. PENILAIAN

PEMBAHAGIAN PENILAIAN		
No.	Perkara	Pembahagian penilaian
1.	Displin dan pengurusan masa	20%
2.	Kerja berpasukan	10%
3.	Komunikasi/interaksi	10%
4.	Moral dan etika	30%
6.	Pemikiran kritis dan menyelesaikan masalah	30%
Jumlah		100%

## Profil



**MOHAMMAD NOORIZZUDDIN NOOH**, adalah pensyarah kanan di Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan juga memegang jawatan sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, USIM Tjjarah Holdings Sdn Bhd. Bidang kepakaran dan minat penyelidikannya adalah penjenamaan, pemasaran, keusahawanan, etika dan model perniagaan. Selain daripada itu, beliau juga terlibat aktif dalam pelbagai program keusahawanan yang telah libatsama dengan universiti awam dan swasta, kolej komuniti, politeknik serta agensi kerajaan. Beliau juga aktif dengan program kemasyarakatan dan telah dilantik mulai Februari 2020 sebagai Ahli Pemegang Amanah Yayasan Genius Malaysia (dahulu dikenali sebagai Yayasan Permata). Selain itu beliau juga merupakan Presiden Pertubuhan Cakna untuk Insan Terbilang Malaysia (CUIT Malaysia). Beliau pernah bertugas sebagai Timbalan Pengarah di Pejabat Perdana Menteri dan juga merupakan mantan Ahli Lembaga Pengarah Institut Koperasi Malaysia (dahulu dikenali sebagai Maktab Koperasi Malaysia) selama dua penggal.